# Pustaka
## BULETIN PNM

KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Bilangan 2/2022
Mei - Ogos
2022

ISSN : 0128-8679




**YB Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya merasmikan Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu.** Berita penuh di muka surat 33.

**PNM melepasi sasaran jualan buku di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur.** Berita pada muka surat 10.


PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

# KANDUNGAN

## PETUGAS KAUNTER CEMERLANG APRIL - JUN


| | |
|---|---|
| Siti Shafarah binti Shamsudin | 6 |
| Mohamad Fikri Haikal bin Mohamad Fariz | 7 |


## PROGRAM & AKTIVITI PNM


| | |
|---|---|
| Jamuan Raya Aidilfitri 2022 | 8 |
| Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) | 10 |
| Sukarelawan Duta Buku PBAKL 2022 | 16 |
| Karya Kreatif Dunia Kecil Berjiwa Besar | 20 |
| CERAMAH BERSAMA PU AZMAN "Hayati Korban dalam Kehidupan" | 22 |
| Menyantuni Keperluan Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) Penglihatan | 24 |
| Bicara Penerbit Malaysia 2022 | 26 |
| Kelas Sifir Jari Buruj Kids | 30 |
| Bicara Malaysia: Degup Denyut Anak Malaysia | 32 |
| WACANA BIL. 2/22 Manuskrip Melayu Jawi Sarawak: Menobatkan Santubong sebagai Negeri Melayu Kedua Tertua | 34 |
| Persidangan dan Pameran Antarabangsa Manuskrip Melayu | 36 |
| Program Dariku Untukmu | 44 |
| Majlis Perasmian Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Kinabatangan | 48 |
| Promosi Perkhidmatan Perpustakaan Negara Malaysia Sempena Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Peringkat Negeri Selangor | 50 |

# PROMOSI PANGKALAN DATA


Pangkalan Data PressReader 52

Pangkalan Data EBSCOhost 54

Pangkalan Data Raz Kids Siri 2/2022 56

Pangkalan Data Overdrive@Libby 58

Pangkalan Data BLIS (BERNAMA LIBRARY & INFOLINK SERVICE) 60

Pangkalan Data LAWNET 62

Pangkalan Data Sage Knowledge 63

Pangkalan Data OOKBEE 64

Pangkalan Data ODILO 65

Pangkalan Data J-Gate 66


# LIPUTAN BERITA DAN PROMOSI PROGRAM SERTA PERKHIDMATAN


Bulan Kebangsaan: Pengisian Aktiviti Menarik PNM Bersama Encik Ali bin Rashid 67

Dokumentari Khas: "Pejuang Mata Pena" 69



# SIDANG REDAKSI


**PENAUNG**

Puan Salasiah binti Abdul Wahab

**KETUA EDITOR**

Puan Suhaila binti Abd Rahman

**EDITOR**

Encik Rowland Arah

**KOORDINATOR PENERBITAN**

Encik Wan Yuhaimisham bin Wan Yusoff

Cik Nur Amalina binti Mohamad

**PENOLONG KOORDINATOR PENERBITAN**

Puan Hafizatul Mushadah binti Mohamed Yusa

Puan Nur Amirah binti Anuar

Encik Ahmad Zaki bin Ahmad Zakaria



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
Tahniah
SITI SHAFARAH
SITI SHAFARAH SHAMSUDIN
Penolong Pustakawan Kanan
Bahagian Sumber Elektronik
PETUGAS KAUNTER CEMERLANG
April - Jun 2022
www.pnm.gov.my
PerpustakaanNegaraMalaysia
PNM_Rasmi
pnm_rasmi
pnmytube
PNMrasmi
pnmsaluransosial2
pnm_rasmi


KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
Tahniah
MOHD. FIKRI HAIKAL
FIKRI HAIKAL MOHAMAD FARIZ
Pembantu Pustakawan
Pusat Rujukan Malaysiana dan
Luar Negara
PETUGAS KAUNTER
CEMERLANG
April - Jun 2022
www.pnm.gov.my
PerpustakaanNegaraMalaysia
PNM_Rasmi
pnm_rasmi
pnmytube
PNMrasmi
pnmsaluransosial2
pnm_rasmi

# Jamuan Raya Aidilfitri PNM 2022




Ketua Pengarah PNM, Puan Salasiah binti Abdul Wahab (kanan) bergambar bersama Timbalan Ketua Pengarah, Encik Edy Irwan bin Zulkafli.

Pada 23 Mei (Isnin), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah berjaya melaksanakan sambutan Jamuan Raya Aidilfitri 2022. Sambutan yang pertama kali diadakan dalam tempoh pandemik COVID-19 ini disambut setelah Kerajaan membenarkan sambutan hari raya diadakan seperti kebiasaannya dengan mematuhi SOP yang berkuat kuasa. Lebih 100 kakitangan PNM menghadiri Jamuan Hari Raya ini yang diadakan bermula 9 pagi hingga 12 tengah hari. Jamuan Hari Raya 2022 diadakan di ruang parkir di PNM. Suasana sambutan dimeriahkan dengan penyertaan reruai oleh semua bahagian di PNM dengan tema dan juadah yang ditetapkan. Majlis dimeriahkan lagi dengan acara penyampaian hadiah kepada para pemenang bagi pertandingan pakaian tercantik, hiasan bahagian dan reruai paling ceria. Hadiah disampaikan oleh Ketua Pengarah PNM. Keseluruhan majlis ini telah mendapat sambutan dan penyertaan yang baik dari warga PNM.



Barisan Pengurusan PNM.







Sekitar aktiviti sepanjang Jamuan Hari Raya Aidilfitri PNM 2022.



# PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR (PBAKL)




Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) adalah program yang sentiasa dinanti-nantikan oleh pencinta buku, penerbit dan pembekal buku daripada dalam dan luar negara. Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2022 anjuran Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama Persatuan Industri Buku Malaysia telah diadakan di Pusat Dagangan Dunia

(WTC), Kuala Lumpur pada 3 - 12 Jun 2022. Pesta buku yang berlangsung selama 10 hari ini menempatkan lebih 700 buah gerai membabitkan 200 penerbit tempatan dan antarabangsa termasuk dari Indonesia, Singapura dan Turki. PBAKL yang telah sepi selama dua tahun akibat pandemik COVID-19 telah mendapat sambutan luar biasa daripada seluruh rakyat Malaysia pada tahun 2022.

PNM turut menyertai PBAKL 2022 dengan mengadakan jualan buku-buku terbitan PNM serta mempromosikan perkhidmatan-perkhidmatan utama PNM, antaranya koleksi manuskrip Melayu, u-Pustaka, kaedah pemuliharaan bahan bacaan, program membaca dan pelbagai lagi. Penyertaan PNM diurusetiakan oleh Bahagian Komunikasi Korporat dengan kerjasama bahagian-bahagian yang terlibat secara langsung dengan aktiviti yang diadakan di reruai PNM. Hasil daripada kerjasama dan usaha yang jitu daripada kakitangan dan bahagian-bahagian tersebut, reruai PNM berjaya mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada para pengunjung.

## Objektif penyertaan PNM di PBAKL adalah untuk:

- Mengadakan jualan buku terbitan PNM.
- Memperkenalkan produk dan perkhidmatan PNM kepada pengunjung.

## Perasmian PBAKL 2022

Sejarah telah tercipta di PBAKL 2022 di mana YAB Perdana Menteri, Datuk Sri Ismail Sabri telah merasmikan pembukaan PBAKL di pentas Utama Pusat Dagangan Dunia (WTC), Kuala Lumpur pada pukul 8.00 malam, 3 Jun 2022 (Jumaat).

## Maklumat Reruai PNM:

| | |
|---|---|
| **Tarikh** | : 3 – 12 Jun 2022 |
| **Lokasi** | : Reruai 3250 – 3231 & 3239 – 3245 Dewan Tun Razak 3, Aras 3, WTCKL |
| **Waktu** | : Masa : 10.00 pagi – 10.00 malam |
| **Jumlah Reruai** | : Enam (6) tapak bersaiz 3x3 meter setiap tapak. PNM diberi enam (6) tambahan tapak reruai percuma menjadikan jumlah keseluruhan tapak reruai PNM adalah 18 x 6 meter. |
| **Jumlah Pengunjung** | : 5,655 orang |
| **Hasil jualan terbitan PNM** | : RM10,910.02 (Sasaran : RM5,000.00) |
| **Jumlah buku dijual** | : 299 buah buku |

## Aktiviti yang dijalankan PNM

Selain aktiviti utama jualan buku terbitan PNM, aktiviti-aktiviti yang turut diadakan di reruai PNM sepanjang PBAKL berlangsung selama 10 hari adalah seperti berikut:

- Pendaftaran keahlian u-Pustaka
- Pendaftaran keahlian PNM
- Penerangan Sistem Depositori PNM (ISBN/ISSN/PDP)
- Terimaan penyerahan bahan perpustakaan bawah Akta 331
- Pameran Manuskrip Melayu
- Demonstrasi penggunaan pangkalan data
- Promosi buku nadir
- Aktiviti Kraf
- Kuiz Terokai Dunia Digital
- Teka Silang Kata Manuskrip Melayu
- Teka Silang Kata Jawi
- Demonstrasi Pemuliharaan Buku
- Bacaan Santai Cerita Rakyat Malaysia
- Kuiz Literasi Media dan Maklumat
- Sesi Bacaan Naskhah Lama
- Sesi Bercerita
- Paparan maklumat perpustakaan keluarga
- Tayangan video perkhidmatan PNM
- Kios digital PNM.



YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob (depan tengah) bersama YB Senator Datuk Dr. Mohd Radzi Md Jidin (kiri) dan Pengerusi PBAKL 2022, Mohd Khair Ngadiron (kanan) di Majlis Perasmian PBAKL 2022.



YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob menyampaikan ucapan perasmian.




Antara persembahan yang diadakan semasa Majlis Perasmian PBAKL 2022 ialah penyampaian lagu, sajak dan syair oleh kumpulan Kopratasa.

Perasmian PBAKL 2022 buat pertama kalinya disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia, **YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob.** Sebelum itu, Menteri Kanan Pendidikan, **YB Senator Datuk Dr. Mohd Radzi Md Jidin** terlebih dahulu menyampaikan kata alu-aluan. Beberapa persembahan turut diadakan seperti nyanyian lagu dan deklamasi sajak untuk pengunjung PBAKL 2022.










**Suasana reruai dan gambar-gambar aktiviti PNM sepanjang PBAKL 2022 berlangsung.**











**Suasana reruai dan gambar-gambar aktiviti PNM sepanjang PBAKL 2022 berlangsung.**









# DUTA BUKU PBAKL 2022




Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah diberi penghormatan untuk mengendalikan Duta Buku sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2022. Duta Buku adalah sukarelawan yang betugas sepanjang PBAKL 2022 berlangsung dari 3 hingga 12 Jun 2022. Pemilihan PNM bagi mengendalikan Duta Buku ini adalah susulan kejayaan PNM menguruskan sukarelawan bagi penganjuran *International Federation of Library Associations and Institutions* (IFLA) *World Library and Information Congress* (WLIC) 2018 yang lalu.

Seramai 40 orang Duta Buku telah dipilih daripada seluruh Malaysia. Duta Buku ini diuruskan oleh pegawai Bahagian Komunikasi Korporat (BKK) PNM.

## Tugas Duta Buku PBAKL 2022

Duta Buku bertanggungjawab untuk memberi penerangan dan membantu tunjuk arah kepada pengunjung-pengunjung yang hadir ke PBAKL 2022.

Selain itu, Duta Buku akan mempersembahkan dua persembahan lagu setiap pagi dan petang kepada pengunjung iaitu pada pukul 10.00 pagi dan 7.00 malam di pentas utama PBAKL. Lagu tersebut adalah:

- Budaya Membaca; dan
- *Fire & Water* yang dipopularkan melalui cerita animasi kanak-kanak 'Boboiboy'. Lagu ini merupakan lagu nyanyian penyanyi Faizal Tahir.

Duta Buku diselia oleh pegawai PNM iaitu:

- Puan Suhaila binti Abd Rahman, Pengarah Perkhidmatan Korporat
- Puan Siti Zubaidah binti Ahamad, Penolong Pengarah Kanan BKK.
- Wan Yuhaimisham bin Wan Yusoff, Penolong Pengarah Kanan BKK
- Zaiton binti Hassan, Penolong Pengarah BKK
- Hafizatul Mushadah binti Mohamed Yusa, Pegawai Perhubungan Awam BKK.

Semua Duta Buku dibekalkan dengan t-shirt, topi, apron dan lanyard. Teks "Boleh Saya Bantu Anda" dipaparkan pada apron bagi memudahkan para pengunjung PBAKL mengenali Duta Buku.










Duta Buku ditempatkan di semua Aras 1 hingga 4 WTCKL bagi membantu pengunjung PBAKL yang hadir.



Duta Buku akan berkumpul mulai pukul 9.00 pagi setiap hari sebelum memulakan tugas dari 10.00 pagi hingga 10.00 malam. 40 orang Duta Buku dipecahkan mengikut giliran bertugas pada sebelah pagi dan petang.





Sesi bergambar Duta Buku bersama-sama YBrs. Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia,
YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab (Barisan tengah : sembilan daripada kanan).

# Karya Kreatif Dunia Kecil Berjiwa Besar




**Urus Setia:**

Bahagian Gerakan Literasi Maklumat (BGLM), PNM dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Anjuran Pertubuhan Kebangsaan Orang Kerdil Malaysia (PKOKM).

**Moderator:**
Encik Saifulizan bin Yahaya, Ketua Bahagian Penyelidikan Sastera dari Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

**Tarikh:** 25 Jun 2022 (Ahad)

**Waktu:** 9.00 pagi - 4.00 petang

**Tempat:** Bilik Syarahan, Aras 5, Anjung Bestari, PNM

**Tujuan:** -

- Program kerjasama antara PNM dengan JKM dan Pertubuhan Orang Kerdil Malaysia ini memberi peluang dan mengenal pasti bakat serta kreativiti golongan sasar ini dalam bidang penulisan kreatif.
- Karya mereka akan dikumpul dan diselenggara oleh PNM dan seterusnya diterbitkan.
- Program ini juga memfokuskan mengenai penerapan budaya membaca dalam kalangan orang kerdil.



Pengarah Perkhidmatan Korporat, Puan Suhaila binti Abd Rahman (depan  lima daripada kanan) bergambar kenangan bersama-sama peserta program.



Pengarah Perkhidmatan Korporat, Puan Suhaila binti Abd Rahman (kiri) menyampaikan cenderamata kepada peserta yang hadir.



Sebahagian peserta melakukan aktiviti yang diadakan.

# CERAMAH BERSAMA PU AZMAN "Hayati Korban dalam Kehidupan"




**Urus Setia:** Kelab Perpustakaan Negara Malaysia dan PUSPANITA

**Tarikh:** 8 Julai 2022 (Jumaat)

**Waktu:** 10.00 pagi - 12.00 tengah hari

**Tempat**: Aras 10 Menara PNM dan secara langsung melalui TV PNM.

**Pautan:** https://www.youtube.com/watch?v=WJkEx8SdQG0

**Tujuan:**

- Memberi peluang kepada kakitangan PNM untuk mendapatkan maklumat mengenai Hari Raya Aidiladha.
- Memberi kesedaran kepada kakitangan akan kepentingan pegorbanan dalam kehidupan.




Ketua Pengarah PNM, Puan Salasiah binti Abdul Wahab (depan: dua daripada kiri) bersama-sama Timbalan Ketua Pengarah, Encik Edy Irwan bin Zulkafli (kanan) dan penceramah jemputan Pencetus Ummah (PU) Azman (kiri) berdiri menyanyikan lagu Negaraku.




Cik Nor Amira binti Ramli mengajukan soalan kepada PU Azman.



PU Azman meyampaikan ceramah bertajuk "Hayati Korban dalam Kehidupan".

# Menyantuni Keperluan Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) Penglihatan




Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (PBOBM) telah diwartakan secara rasmi sebagai Entiti Diberi Kuasa berkuat kuasa 30 Jun 2022 oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Melalui pewartaan ini, pengecualian akan diberikan kepada PNM dan PBOBM terhadap perlindungan hak cipta termasuklah keperluan untuk membayar royalti dan kebenaran salinan apa-apa karya dalam salinan format boleh akses bagi kegunaan eksklusif golongan Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan. Pelbagai langkah mula disusun selepas pewartaan ini. PNM pada

28 Julai 2022 (Khamis) telah menganjurkan Program Penyemarakan Triti Marrakesh yang dirasmikan oleh Ketua Pengarah PNM, YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab di Aras 10, Menara PNM. Program ini mengetengahkan Sesi Bual Bicara bertajuk Menyantuni Keperluan Golongan OKU Penglihatan yang menampilkan Cik Nawal binti Khairil Anwar dan Cik Noor Izati binti Meor Samsudin wakil daripada PBOBM.




Ketua Pengarah PNM, YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab menyampaikan ucapan perasmian majlis.






Timbalan Pengarah Bahagian Gerakan Literasi Maklumat, Encik Yazid bin Ibrahim (tengah) sebagai moderator bersama dengan dua orang panel jemputan semasa bual bicara.

# Bicara Penerbit Malaysia 2022

Penerbit bahan bacaan merupakan pemain utama dalam industri perbukuan. Lambakan jenis ilmu dan hidangan pengetahuan yang dihamparkan kepada pembaca mampu mempengaruhi pertumbuhan kecerdikan sesebuah negara. Penting bagi penerbit mengetahui isu-isu yang perlu ditangani dalam usaha menjadikan buku sebagai wadah ilmu yang menjadi tunjang pembelajaran sepanjang hayat.

Pada 2 hingga 3 Ogos 2022 yang lalu, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah mengadakan Bicara Penerbit Malaysia 2022 bagi membicara dan menyampaikan maklumat-maklumat semasa dalam dunia penerbitan dan industri perbukuan negara. Seramai 11 orang ahli panel yang berpengalaman telah dijemput melalui enam (6) sesi bicara yang telah diadakan. Menariknya, setiap sesi bicara ini boleh ditonton semula di saluran TV PNM.






## DIALOG 1: Khazanah Intelek Negara: Cerminan Mentaliti Rakyat Malaysia

**Tarikh:**
2 Ogos 2022 (Selasa)

**Masa:**
9.45 pagi - 11.00 pagi

**Pautan:**
https://youtu.be/wWXzf4WxYas

## DIALOG 2: Buku Malaysia Wajah Malaysia Memecah Tembok Pasaran Antarabangsa

**Tarikh:**
2 Ogos 2022 (Selasa)

**Masa:**
11.15 pagi - 12.30 tengah hari

**Pautan:**
https://www.youtube.com/watch?v=RwAMkiP-Peo






## DIALOG 3: Taufan Buku Alternatif Mewarnai Industri Perbukuan Negara

**Tarikh:**
2 Ogos 2022 (Selasa)

**Masa:**
2.30 petang - 4.00 petang

**Pautan:**
https://www.youtube.com/watch?v=fCN16ZclliE&t=4s

## DIALOG 4: Berkualiti dan Berimpak Tinggi Teras Kebitaraan Penerbitan Buku

**Tarikh:**
3 Ogos 2022 (Rabu)

**Masa:**
9.30 pagi - 10.45 pagi

**Pautan:**
https://www.youtube.com/watch?v=6zBC7-Q6L-s&t=36s






## DIALOG 5: Teknologi Realiti Maya dan Realiti Terimbuh dalam Penerbitan Buku Kanak-Kanak: Realiti vs Jangkaan

**Tarikh:**
3 Ogos 2022 (Rabu)

**Masa:**
11.00 pagi - 12.30 tengah hari

**Pautan:**
https://www.youtube.com/watch?v=ZiFCG7UmGCk&t=20s

## DIALOG 6: Aspirasi Pencinta Buku: Apa Kata Mereka?

**Tarikh:**
3 Ogos 2022 (Rabu)

**Masa:**
2.30 petang - 4.00 petang

**Pautan:**
https://www.youtube.com/watch?v=FXI8aETCpBc



# Kelas Sifir Jari Buruj Kids






Aktiviti kanka-kanak bersama ibu bapa dengan bimbingan daripada pemudah cara.

**Urus setia:** Bahagian Pinjaman Kanak-kanak

**Tarikh:** 6 Ogos 2022 (Sabtu)

**Waktu:** 11.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari.

**Tempat:** Perpustakaan Kanak-Kanak, PNM

**Tujuan:**

- Mendidik kanak-kanak menghafal sifir secara mudah dengan hanya menggunakan jari.
- Memberi keseronokan kepada kanak-kanak untuk mempelajari matematik.



Sekitar aktiviti yang dijalankan semasa Kelas Sifir Jari.

# BICARA MALAYSIANA:
# Degup Denyut Anak Malaysia




Bicara Malaysiana Degup Denyut Anak Malaysia telah diadakan pada 30 ogos 2022 di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Program yang diadakan bersempena sambutan Hari Kebangsaan yang ke-65 ini adalah bertujuan untuk memperkukuhkan sifat jati diri dan sayangkan negara dalam kalangan kakitangan PNM dan penonton.

**Ceramah Jemputan:**

- YBhg. Profesor Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali
- YBrs. Profesor Madya Dr. Zulkanain bin Abdul Rahman

**Tarikh:** 30 Ogos 2022 (Selasa)

**Waktu:** 2.00 petang – 4.30 petang

**Tempat:** Secara dalam saluran TV PNM
https://youtu.be/3On3OJmUnlE




YBhg. Profesor Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali (kiri) bersama YBrs. Profesor Madya Dr. Zulkanain bin Abdul Rahman (kanan) semasa sesi bual bicara.




YBhg. Profesor Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali menceritakan tentang kemerdekaan negara.

# WACANA MANUSKRIP MELAYU BIL. 2/2022
# Manuskrip Melayu Jawi Sarawak: Menobatkan Santubong Sebagai Negeri Melayu Kedua Tertua



**Urus Setia:** Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM)

**Tarikh:** 6 Julai 2022 (Khamis)

**Waktu:** 9.30 pagi - 12.30 tengah hari

**Tempat:** Aras 10, Menara PNM dan secara langsung melalui TV PNM

**Penceramah:** Pakar Sejarah Sarawak, YBhg. Datu Dr. Hj. Sanib bin Hj. Said yang membicarakan tentang "Manuskrip Melayu-Jawi di Sarawak: Menobatkan Santubong sebagai Negeri Melayu Kedua Tertua di Dunia"

**Pautan:** Saluran TV PNM_https://youtu.be/HyK6DdoWSXs




YBhg. Datu Dr. Hj. Sanib bin Hj. Said menyampaikan ucapan di program Wacana Manuskrip Melayu.

# Persidangan dan Pameran Antarabangsa Manuskrip Melayu






Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu (PAMM) 2022 merupakan persidangan anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Majlis Belia Malaysia (MBM). Persidangan ini mengetengahkan tajuk Manuskrip Perundangan Melayu: Korpus Warisan Tempatan dan Dunia. PAMM 2022 ini telah berlangsung dari 9 hingga 11 Ogos 2022 di UPSI, Tanjong Malim, Perak dan telah dirasmikan dengan jayanya oleh Timbalan Menteri MOTAC, YB Datuk Seri Dr. Santhara J.P.

Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Naib Canselor UPSI, YBhg. Dato' Prof. Dr. Md. Amin bin Md. Taff dan turut memberi ucapan kepada hadirin, Ketua Pengarah PNM, YBrs. Puan Salasiah binti Abdul Wahab. Selain itu, Ketua Pengarah dan Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  (JKSM), YAA Dato' Setia Dr. Hj. Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar juga telah dijemput memberi ucaptama kepada sekitar 300 tetamu yang hadir.

Majlis ini turut boleh ditonton melalui saluran TV PNM:
https://youtu.be/oT1kiDD3Nz4




Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, YB Datuk Seri Dr. Santhara J.P. (tiga daripada kiri) menurunkan tanda tangan sebagai simbolik perasmian PAMM 2022.

PAMM 2022 menampilkan 24 orang pakar manuskrip Melayu daripada dalam dan luar negara untuk berwacana dalam sesi pembentangan sepanjang persidangan dijalankan.  Wacana disampaikan oleh pakar-pakar dalam bidang kepakaran masing-masing yang berasaskan manuskrip Melayu untuk memberi pendedahan dan penerangan kepada mereka yang berminat.




Poster Sesi Pertama:
Undang-undang Terawal dan Hukum Kanun Melaka.




Poster Sesi Kedua:
Undang-undang Kanun Pahang dan Undang-undang Kedah.




Poster Sesi Ketiga:
Qanun Meukuta (Undang-undang Aceh).




Poster Sesi Keempat:
Hukum Kanun Brunei.




Poster Sesi Kelima:
Sejarah Perundangan.




Poster Sesi Keenam:
Perundangan dari Aspek Bahasa.




Poster Sesi Ketujuh:
Islamisasi dalam Hukum Kanun Melaka.




Poster Sesi Kelapan:
Undang-undang Laut.

PNM turut juga menyediakan pameran Warisan Manuskrip Melayu untuk tatapan pengunjung yang menghadiri persidangan ini. Selain itu, pengunjung juga boleh membeli terbitan-terbitan PNM yang diterbitkan berasaskan kajian manuskrip Melayu. Antara tajuk terbitan PNM yang dikaji melalui Manuskrip Melayu ialah Warisan Manuskrip Melayu, Petua Menuntut Ilmu, Ilmu Perkasihan Melayu, Ilmu Perubatan Melayu, Petua Membina Rumah Melayu dan Hikayat Hang Tuah. Selain itu, turut dijual ialah Jurnal Filologi Melayu – Jilid 1 sehingga 27 dan Katalog Manuskrip Melayu.






Pengunjung melihat pameran manuskrip Melayu.






Pengunjung melihat pameran buku jualan PNM.

# Program Dariku Untukmu




Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, YB Datuk Seri Dr. Santhara J.P. telah merasmikan Program Dariku Untukmu. Program ini dilaksanakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan penggerak utamanya adalah perpustakaan desa PNM di seluruh negara.

**Tarikh**: 14 Ogos 2022 (Ahad)

**Masa:** 11.00 pagi - 12.00 tengah hari.

**Tempat**: SK Sepinang, Segamat, Johor dan boleh ditonton melalui TV PNM https://youtu.be/B6qI__zYMOs

Program ini bertujuan menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan komuniti setempat dan mempromosikan Program Galakan Membaca ke seluruh negara. Di samping itu, ia juga berhasrat untuk memberi kesedaran dan pendedahan kepada komuniti mengenai kewujudan perpustakaan desa sebagai pusat ilmu yang perlu dimanfaatkan serta mempromosikan bahan bacaan yang disediakan di perpustakaan desa.




Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, YB Datuk Seri Dr. Santhara J.P. menyampaikan ucapan perasmian.




Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, YB Datuk Seri Dr. Santhara J.P. merasmikan gegantung program.

## Gambar-gambar aktiviti PNM sepanjang Program Dariku Untukmu berlangsung





















MEDIA







# Majlis Perasmian Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Kinabatangan




Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Perpustakaan Negeri Sabah (PNS) telah mengadakan majlis perasmian bangunan baharu Perpustakaan negeri Sabah Cawangan Kinabatangan yang merupakan bangunan ikonik di daerah Kinabatangan. Ketua Setiausaha Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, YBhg. Datuk Hajah Saraya binti Arbi hadir mewakili Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, YB Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri.

Bangunan baharu perpustakaan yang telah siap dibina ini merupakan bangunan dua tingkat berkeluasan 16,450 kaki persegi. Ia direka khusus dengan ciri-ciri bangunan reka bentuk tempatan yang berkonsepkan kayu bakau memberikan identiti tersendiri kepada perpustakaan ini. Perpustakaan ini dilengkapi dengan ruang dan kemudahan kondusif. Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Kinabatangan merupakan cawangan ke-22 yang terdapat di negeri Sabah dan menelan belanja sebanyak RM6.86juta.




Bangunan Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Kinabatangan








YBhg. Datuk Hajah Saraya binti Arbi merasmikan pembukaan Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Kinabatangan.



Kehadiran tetamu di Majlis Perasmian Perpustakaan Awam Sabah Cawangan Kinabatangan.



YBhg. Datuk Hajah Saraya binti Arbi (kiri) diberi penerangan mengenai Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Kinabatangan oleh Puan Hajah Fatimah Abdila, Pengarah Perpustakaan Negeri Sabah (dua dari kiri).

# PROMOSI PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA SEMPENA JELAJAH ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA PERINGKAT NEGERI SELANGOR




Sebahagian barisan petugas reruai MOTAC. Lima daripada kanan adalah YBrs. Ketua Pengarah PNM, Puan Salasiah binti Abdul Wahab selaku Ketua Delegasi reruai MOTAC dan jabatan/agensi bawah MOTAC.

Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (JAKM) Siri ke-8 anjuran Unit Penyampaian Kemakmuran Bersama (SEPADU), Jabatan Perdana Menteri telah diadakan pada 19-21 Ogos 2022 di Tapak Karnival Stadium Shah Alam, Selangor. JAKM ini telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) turut menyertai reruai Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) untuk mempamer dan mempromosikan perkhidmatan PNM kepada pengunjung melalui JAKM siri ke-8 ini. Bagi JAKM siri ke-8 ini, YBrs. Ketua Pengarah PNM, Puan Salasiah binti Abdul Wahab merupakan ketua delegasi bagi pameran MOTAC dan jabatan/agensi bawah MOTAC.

Antara perkhidmatan yang dipromosikan termasuk keahlian dan demonstrasi penggunaan portal u-Pustaka, keahlian PNM, Baucar Buku Semarak Membaca dan perkhidmatan PNM yang lain. Selain, itu, turut bersama-sama PNM dalam JAKM ini adalah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor yang mempamer dan mempromosikan perkhidmatan perpustakaan bergerak yang dikenali sebagai S*mart Mobile Library.* Sepanjang tiga (3) hari JAKM ini berlangsung, seramai 741 pengunjung telah mendapat manfaat daripada promosi perkidmatan perpustakaan dan daripada jumlah itu, seramai 270 orang telah mendaftar sebagai ahli baharu PNM dan u-Pustaka.




Suasana reruai MOTAC yang turut menempatkan PNM sentiasa dikunjungi oleh orang ramai.




Puan Norhasliza Md Salleh, Penolong Pustakawan PNM (kiri) mempromosikan keahlian PNM dan u-Pustaka kepada pengunjung yang hadir.




Petugas PNM (kiri dan kanan) sentiasa bersedia melayani pengunjung bagi mendapatkan maklumat mengenai portal u-Pustaka.

# Pangkalan Data Pressreader




Pangkalan data Pressreader menyediakan akses segera kepada lebih 2,446 judul e-surat khabar dan 3,915 judul e-majalah terkemuka dunia, daripada lebih 152 negara dalam 56 bahasa dalam format teks penuh (full-text) dan replika digital. Bagi kandungan surat khabar Malaysia, terdapat 12 buah surat khabar utama yang boleh diakses iaitu, *The Borneo Post, China Press, Siang Pau*, Utusan Borneo, *The Star & Star 2, Oriental Daily News, The Wall Street Journal Asia, The Sun* dan *The Malaysian Reserve*. Pangkalan data ini juga boleh mengakses pelbagai judul e-majalah tempatan seperti *Women*

*Health* (Malaysia), *Female* (Malaysia), Majalah Lelaki, *Men's Health, Glam* dan lain-lain lagi. Satu sesi tutorial penggunaan pangkalan data ini telah diadakan melalui program "Bengkel Eksplorasi Digital" seperti berikut:

**Moderator** : Encik David Choo
(Pengerusi Bahagian Digital University Book Store Malaysia)
**Tarikh** : 24 Mei 2022 (Selasa)
**Waktu** : 10.00 pagi - 11.30 pagi
**Tempat** : Secara dalam talian menggunakan aplikasi Zoom
**Tujuan** : Meningkatkan kefahaman dan kepenggunaan pangkalan data yang terdapat dalam portal u-Pustaka.

# Pangkalan Data Ebscohost




Perkhidmatan Maklumat EBSCO (EBSCOHost) merupakan pangkalan data terbesar yang menyediakan akses kepada e-buku, artikel daripada beribu-ribu judul e-Jurnal dan pelbagai sumber maklumat daripada lebih 100 pangkalan data. Selain kegunaan untuk membuat carian/memuat turun artikel jurnal, boleh juga mengakses sebanyak 5,277 judul e-buku dalam pelbagai subjek antaranya kesenian, perniagaan, ekonomi, pendidikan, pemasaran, sains sosial, perubatan dan lain-lain. EBSCOHost merupakan antara pangkalan data yang popular di dunia, dan telah digunakan secara meluas di kebanyakan perpustakaan dan komuniti perniagaan selama lebih daripada 60 tahun.

**Moderator** : Cik Jay Yurdakul
(*Training Specialist*, *EBSCO Information Service*)

**Tarikh** : 31 Mei 2022 (Selasa)

**Waktu** : 10.00 pagi - 11.30 pagi

**Tempat** : Secara dalam talian melalui saluran TV PNM

**Tujuan**

- Mengajar cara penggunaan EBSCO secara menyeluruh dan cara terbaik dalam pencarian maklumat.
- Jom teroka Ebscohost dan dapatkan artikel e-jurnal dengan MUDAH dan PERCUMA!

**Pautan** : https://www.youtube.com/watch?v=ZmniNbr-3cQ




Tangkap layar semasa program dijalankan di dalam aplikasi Youtube.



# Pangkalan Data Raz Kids
# Siri 2/2022




Kids A-Z merupakan portal dan sistem e-pembelajaran dalam talian yang dibangunkan oleh Learning A-Z di mana ia mudah digunakan, khusus untuk kanak-kanak dan para pelajar sekolah rendah. Melalui portal ini, para pelajar boleh mengakses lebih dari 4,000 judul e-buku dan buku audio (fiksyen dan bukan fiksyen) serta lebih dari 50,000 kandungan pembelajaran dan aktiviti secara interaktif. Portal ini juga membolehkan pengguna untuk mendengar buku audio, membaca e-buku, belajar membaca dengan pantas ataupun

merekodkan prestasi pembacaan masing-masing dengan mudah. Kids A-Z juga sangat mudah untuk dicapai secara terus dengan menggunakan tablet/telefon pintar.  Sesi tutorial menggunakan pangkalan data ini telah diadakan seperti berikut:

| | |
|---|---|
| **Moderator** | : Puan Bismayazan (Access Dunia Sdn. Bhd.) |
| **Tarikh** | : 9 Jun 2022 (Kamis) |
| **Waktu** | : 10.00 pagi - 11.30 pagi |
| **Tempat** | : Secara dalam talian menggunakan aplikasi Zoom |
| **Tujuan** | : Memberi tunjuk ajar kepada ibu bapa mengenai cara menggunakan sistem pembelajaran online dan menerangkan setiap kegunaan yang ada dalam pangkalan data tersebut. |

# Pangkalan Data Overdrive@Libby




Pelbagai judul e-buku dalam bidang perkara umum daripada penerbit-penerbit terkemuka tersedia untuk dipinjam. Terdapat 4,476 judul e-buku, 140 judul buku audio dan 98 judul e-buku audio baca bersama di dalam portal PNM Overdrive. Pangkalan data ini membenarkan pembaca untuk meminjam sebanyak dua buah dalam seminggu. Sesi tutorial menggunakan pangkalan data ini telah diadakan seperti berikut:

Moderator : Encik Syamil Hamidon
(Tenaga Pengajar Celex Media Sdn. Bhd.)

Tarikh : 16 Jun 2022 (Khamis)

Waktu : 10.00 pagi - 11.30 pagi

Tempat : Secara dalam talian menggunakan aplikasi Zoom

Tujuan :

- Mengajar cara menggunakan Overdrive secara menyeluruh untuk memudahkan pencarian maklumat.
- Mendapatkan e-buku, buku audio, e-majalah, e-komik dan *read along* (istimewa untuk kanak-kanak) secara mudah dan percuma.




Tangkap layar program dijalankan dalam aplikasi Youtube.



# Pangkalan Data BLIS (BERNAMA LIBRARY INFOLINK SERVICE)



Perpustakaan dan Perkhidmatan Infolink BERNAMA (BLIS) merupakan portal penyelidikan yang mengandungi pelbagai maklumat serta akses kepada berita dan maklumat penting di Malaysia. BLIS merupakan perkhidmatan pangkalan data yang disediakan oleh agensi berita BERNAMA. Antara sumber maklumat yang boleh diperoleh adalah seperti berita semasa, arkib berita BERNAMA, artikel berita tempatan dan berita antarabangsa. Selain itu, terdapat juga biografi, profil tokoh-tokoh di Malaysia, teks penuh ucapan, fakta dan statistik penting berkaitan maklumat Malaysia, direktori dan pautan kepada pusat sumber dan maklumat BERNAMA. Sesi tutorial menggunakan pangkalan data ini telah diadakan seperti berikut:

**Moderator:** Encik Wan Mohd Rady (Penolong Pengurus Pangkalan Data) dan Encik Izzul Zunnurain Darusamin (Eksekutif Kanan Jabatan Komersil)
**Tarikh** : 23 Jun 2022 (Khamis)
**Waktu** : 10.00 pagi - 11.30 pagi
**Tempat** : Secara dalam talian menggunakan aplikasi Zoom

**Tujuan:**
- Membantu pengguna untuk mendapatkan maklumat yang sahih.
- Memudahkan pencarian berita-berita di seluruh dunia dengan mudah dan berkesan.

# Pangkalan Data LAWNET




Pangkalan Data Lawnet menyediakan akses kepada koleksi Akta-Akta Malaysia sebagai rujukan kepada perundangan Malaysia. Antara yang terkandung adalah Akta-Akta Parlimen *(Acts of Parliament)*, *Principal Acts* (Original), Akta-Akta Pindaan *(Amendment Acts)*, *Ordinances, Bills Supplement, Updated Rules & Regulations, Legislative Supplement (A & B)*, Perlembagaan Persekutuan *(Federal Constitution)*, Kanun Prosedur Jenayah *(Criminal Procedure Code), Kanun Keseksaan (Penal Code)*, Kanun Tanah Negara *(National Land Code)*, Kaedah-Kaedah Mahkamah *(Rules of Court), Court Forms, General Orders* dan Arahan Perbendaharaan. Sesi tutorial menggunakan pangkalan data ini telah diadakan seperti berikut:

**Moderator :** Pasukan LAWNET
**Tarikh :** 30 Jun 2022 (Khamis)
**Waktu :** 10.00 pagi - 11.30 pagi
**Tempat :** Secara dalam talian menggunakan aplikasi Zoom
**Tujuan :** Memberi pendedahan cara pencarian istilah-istilah perudangan

# Pangkalan Data Sage Knowledge




SAGE Knowledge adalah pangkalan data yang menyediakan rujukan berkaitan sains sosial yang unggul secara dalam talian. Terdapat ribuan judul, merangkumi kandungan e-buku dan e-rujukan yang luas, termasuk buku ilmiah, karya rujukan, buku panduan, siri, tajuk pengembangan profesional, serta kajian kes perniagaan, dan penstriman video. Menjadikannya perpustakaan digital rujukan utama dalam sains sosial untuk pelajar, penyelidik, dan fakulti. Sesi tutorial menggunakan pangkalan data ini telah diadakan seperti berikut:

**Moderator** : Encik Ken Voo (Library Sales Executive, SAGE Publishing)
**Tarikh** : 13 Julai 2022 (Rabu)
**Waktu** : 10.00 pagi - 11.30 pagi
**Tempat** : Secara dalam talian menggunakan aplikasi Zoom

# Pangkalan Data OOKBEE




**Moderator :**
Encik Nabeel Ismay
(Library Sales Executive, SAGE Publishing)

**Tarikh :**
11 Ogos 2022 (Khamis)

**Waktu :**
10.00 pagi - 11.30 pagi

**Tempat :**
Secara dalam talian menggunakan aplikasi Zoom

Pangkalan Data Ookbee Buffet menyediakan akses lebih daripada 2,000 bahan bacaan digital termasuk surat khabar, majalah, novel dan buku. Terdapat juga lebih daripada 15 penerbit ternama tempatan yang terlibat dalam pangkalan data ini seperti Karangkraf, Nanyang Siang Pau, *News Straits Times*, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Fixi, Gempak Starz, PTS, dan Utusan Karya. Selain itu, Aplikasi Ookbee Buffet membolehkan pengguna untuk mengakses tanpa had kepada koleksi-koleksi terbitan terkemuka dunia iaitu Disney.

# Pangkalan Data ODILO




**Moderator:** Cik Angelet
(ODILO *Specialist*)

**Tarikh:** 18 Ogos 2022 (Khamis)

**Waktu:** 10.00 pagi - 11.30 pagi

**Tempat:** Secara dalam talian menggunakan aplikasi Zoom

**Tujuan:**

- Tutorial cara akses e-buku, e-majalah, e-komik, e-surat khabar dan buku audio.

# Pangkalan Data J-Gate




**Moderator:** Encik Joseph Goh
(Director, Eknowvation Inc.)

**Tarikh:** 25 Ogos 2022 (Khamis)

**Waktu:** 10.00 pagi - 11.30 pagi

**Tempat:** Secara dalam talian menggunakan aplikasi Zoom

**Tujuan:**

- Tutorial cara mengakses e-jurnal dengan tepat berdasarkan bidang tertentu.

# Bulan Kebangsaan: Pengisian Aktiviti Menarik PNM Bersama Encik Ali Rashid




Bual bicara dengan topik 'Bulan Kebangsaan: Pengisian Aktiviti Menarik PNM' di slot Rancangan Selamat Pagi Malaysia pada hari Selasa, 9 Ogos 2022, 9.20 pagi. Tetamu undangan ialah Pengarah Perpustakaan Cawangan dan Komuniti, PNM, Encik Ali bin Rashid.






Encik Ali bin Rashid menyampaikan penerangan mengenai aktiviti PNM yang dijalankan sepanjang Bulan Kebangsaan.

# Dokumentari Khas
# "Pejuang Mata Pena"




Program Bual Bicara “SELAMAT PAGI MALAYSIA” ini diadakan secara langsung melalui saluran TV 1, Berita RTM, Siaran Digital, RTM Klik dan FB Live: Selamat Pagi Malaysia pada 25 Ogos 2022 (Khamis) pada pukul 10.35 pagi. Tetamu undangan Sasterawan Negara Malaysia ke-10, Dato' Dr. Mohd Anwar Ridhwan, Pengarah Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat PNM, Encik Faizal Hilmie Yusof dan Penulis Buku, Encik Wan Nor Azriq Wan Mokhtar berkenaan topik Dokumentari Khas 'Pejuang Mata Pena'. Bual bicara ini bertujuan mempromosikan dokumentasi khas yang telah dijayakan oleh RTM dengan kerjasama PNM dan Sasterawan Negara tersebut.




Siaran Selamat Pagi Malaysia.




Dato' Dr. Mohd Anwar Ridhwan (kanan) bersama Encik Faizal Hilmie Yusof (kiri).




Tangkap layar semasa siaran langsung di Facebok RTM.

KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
UNIT INTEGRITI PNM
MK Bil. 17/2022

# MUTIARA KATA





"Seseorang pekerja yang cemerlang tidak lahir semata-mata kerana ijazah, tetapi kerana dia berintegriti, bekerja keras serta bertanggungjawab terhadap kerjanya".

## JADIKAN PEKERJAAN ANDA SEBAGAI IBADAH

Akses buku percuma 24/7

Lawati www.u-pustaka.gov.my

KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Terbitan
**Bahagian Komunikasi Korporat**
**Perpustakaan Negara Malaysia**
**232, Jalan Tun Razak**
**50572 Kuala Lumpur**

ISSN: 0128-8679
0128 8679

www.pnm.gov.my | PerpustakaanNegaraMalaysia | PNM_Rasmi | pnm_rasmi | pnmytube | PNMrasmi | pnmsaluransosial2 | pnm_rasmi